

TERMA DAN SYARAT PERADUAN 'KUIZ ONLINE PANDU PANDU MERDEKA ONLINE 2024'

Penganjur & Kelayakan

1. Peraduan 'Kuiz Online Pandu Pandu Merdeka 2024' dianjurkan oleh Pandu Pandu di akaun Instagram dan Facebook.
2. Peraduan ini terbuka kepada seluruh rakyat Malaysia yang menetap di Malaysia berumur 18 tahun ke atas. Sebarang penyertaan yang dihantar oleh peserta yang tidak memenuhi syarat ini akan dianggap tidak sah.

Tempoh Peraduan

1. Peraduan bermula pada 20 Ogos 2024 dan berakhir pada 31 Ogos 2024 jam 11.59 malam. Semua penyertaan yang diterima selepas tempoh peraduan tidak akan diterima.
2. Peraduan ini hanya sah di akaun Instagram dan Facebook rasmi Pandu Pandu:
 - <https://www.instagram.com/mypandupandu>
 - <https://www.facebook.com/mypandupandu>

Cara Untuk Mengambil Bahagian

Langkah 1: Like dan Follow akaun sosial media Pandu Pandu

- <https://www.instagram.com/mypandupandu>
- <https://www.facebook.com/mypandupandu>

Langkah 2: Peserta perlu komen jawapan yang betul di ruang komen beserta hashtag #PanduPanduMerdeka

Langkah 3: Peserta perlu tag (tiga) 3 rakan-rakan mereka untuk turut serta.

Pemilihan Pemenang

1. Pemenang akan dipilih berdasarkan jawapan terbaik yang menarik dan memberangsangkan.
2. Hadiah Peraduan ini adalah seperti berikut:-
 - Hadiah: **10 x eWallet kredit Touch 'n Go bernilai RM67 setiap satu (1) pemenang.**
3. Hanya sepuluh (10) pemenang akan dipilih sepanjang peraduan ini berlangsung.
4. Pemenang akan dimaklumkan di setiap sosial media Pandu Pandu (FB & IG) dalam masa 2 hari bekerja selepas tamat Tempoh Peraduan, iaitu pada 3 September 2024.

Penebusan Hadiah

1. Selepas pengumuman nama pemenang, pemenang haruslah menghubungi pihak Penganjur melalui "Instagram Direct Message" atau "Facebook Messenger" untuk memberikan butiran pemenang bagi tujuan penebusan hadiah.
2. Pemenang diminta untuk memberikan butiran seperti yang berikut. Maklumat ini hanya digunakan untuk tujuan pemberian hadiah dalam Peraduan ini sahaja.

Nama Penuh:

No. IC:

Alamat E-Mel:

Nombor Telefon Bimbit:

3. Sekiranya pemenang yang dipilih tidak menghubungi pihak Penganjur dalam masa tujuh (7) hari kalendar atau menjadi tidak layak atau disingkirkan atas apa-apa jua sebab, pihak Penganjur akan memilih Peserta seterusnya yang layak untuk menggantikan pemenang asal.
4. Pemenang Peraduan akan dihubungi oleh pihak Penganjur dalam tempoh tujuh (7) hari selepas pengumuman pemenang dimaklumkan.
5. Penganjur mempunyai hak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan nilai yang sama pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu. Semua hadiah Peraduan tidak boleh digantikan dengan wang tunai atau hadiah lain sama ada secara separuh atau penukaran terhadap mana-mana hadiah sekiranya pemenang menolak atau meminta pilihan alternatif.
6. Penganjur berhak menggunakan nama dan gambar atau video pemenang untuk tujuan publisiti dan iklan tanpa apa-apa pampasan atau keperluan untuk pemberitahuan terlebih dahulu kepada pemenang.

Lain-Lain Terma dan Syarat

1. Jika Peraduan tidak dapat ditadbir atas apa jua sebab, termasuk tetapi tidak terhad kepada, jangkitan virus komputer, bug, gangguan, campur tangan yang tidak dibenarkan, kegagalan teknikal, kegagalan rangkaian komunikasi, perkakasan dan/atau kegagalan perisian, kegagalan transmisi, kegagalan talian internet dan/atau sebaliknya, Penganjur tidak akan dipertanggungjawabkan untuk yang disebutkan di atas dan Penganjur boleh, dengan atau tanpa notis, melakukan apa yang difikirkan wajar termasuk tanda had membatalkan atau menggantung Peraduan ini.
2. Penganjur mempunyai budi bicara tunggal dan mutlak untuk menentukan sebarang perkara yang tidak dilindungi dalam Terma dan Syarat ini. Semua keputusan oleh Penganjur

berkaitan Peraduan adalah muktamad dan mengikat semua pemenang. Keputusan Penganjur adalah tepat dan sebarang surat-menyurat dan rayuan tidak akan dilayan.

3. Penganjur berhak untuk meminda, membatalkan atau menamatkan Peraduan bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu. Sebarang perubahan akan diumumkan di laman rasmi Facebook dan Instagram Penganjur. Untuk mengelakkan keraguan, Penganjur tidak bertanggungjawab dan/atau menanggung sebarang kerugian atau kerosakan yang ditanggung atau kos dan pembelajaan yang ditanggung oleh Peserta yang layak menerima sama ada secara langsung dan/atau secara tidak langsung yang timbul daripada atau berkaitan dengan pembatalan, penamatan atau penggantungan Peraduan oleh Penganjur.
4. Pihak Penganjur, pegawai, pekerja, sekutu, syarikat bersekutu atau pihak ketiga yang berkaitan dengan Peraduan ini tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kehilangan, kematian, kecederaan atau kerosakan, sama ada kepada mana-mana orang atau harta, yang mungkin dialami oleh Peserta akibat daripada penyertaan mereka dalam Peraduan ini dan/atau penerimaan atau penggunaan Hadiah Peraduan melainkan dan sehingga dapat dibuktikan bahawa kerugian, kematian, kecelakaan atau kerosakan tersebut disebabkan kecuai dari pihak Penganjur. Apa-apa tuntutan yang dibangkitkan liability undang-undang tidak termasuk ganti rugi untuk kerugian tidak langsung atau berbangkit.
5. Peraduan serta Terma dan Syarat adalah ditadbirkan di bawah undang-undang Malaysia dan Pemenang bersetuju bahwa Mahkamah Malaysia mempunyai bidang kuasa ke atas semua perkara tersebut yang timbul / atau daripada Peraduan ini.
6. Kegagalan atau kelewatan oleh Penganjur untuk menguatkuasakan sebarang peruntukan Terma dan Syarat Peraduan ini tidak akan menjadi penafian dari peruntukan itu.

Perlindungan Data Peribadi

1. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta memberi kebenaran kepada pihak Penganjur untuk memproses data peribadi Peserta yang diberikan untuk tujuan Peraduan dan tidak terhad kepada penggunaan di Halaman Peminat (Fanpage) dan Laman Sesawang (Website).
2. Perlindungan data peribadi adalah sesuatu yang penting bagi pihak Penganjur, maka semua data peribadi Peserta yang dikumpulkan semasa Peraduan ini akan diproses selaras dengan Notis Perlindungan Data Peribadi pihak Penganjur.